

# LinkedIn bantu bakal graduan

Lawatan Harkisanka itu diatur Azroul Liza Khalid yang juga Ketua Pegawai Eksekutif Institut Mentari, sebuah kolej swasta tempatan yang menjadi rakan jaringan Moscow State Medical University di Malaysia.

Azroul Liza berkata, terdapat banyak peluang untuk graduan dan golongan profesional Malaysia

## INFO


© LinkedIn diasaskan oleh Reid Hoffman pada tahun 2002 dan sehingga kini, mempunyai keahlian lebih 225 juta daripada lebih 200 negara dan wilayah.

**Serdang:** Graduan dan golongan profesional yang melawat Hari Terbuka dan Pameran Pascasiswazah Universiti Putra Malaysia (UPM), baru-baru ini berpeluang mendengar taklimat mengenai LinkedIn, rangkaian antarabangsa profesional dan sosial dunia siber.

Syarikat itu menghantar wakil dari Singapura, Atul Harkisanka ke pameran berkenaan bagi memberi peluang kepada pengunjung pameran itu mendapatkan maklumat lanjut mengenai rangkaian terbabit.

'mengiklankan diri' mereka menerusi LinkedIn.

Katanya, beliau mengambil inisiatif untuk bekerjasama dengan LinkedIn dan menjemput mereka untuk bercakap dengan graduan dan profesional di Malaysia, dan UPM menjadi organisasi pertama dalam senarainya.



"Graduan dan profesional kita harus meluaskan skop dengan melihat dunia sebagai majikan mereka atau rakan perniagaan yang berpotensi.

"LinkedIn mempunyai rangkaian di seluruh dunia dengan membantu mereka yang sedang mencari pekerjaan dan juga dicarikan oleh majikan," katanya.

### Bantu graduan

Azroul Liza berkata, pihaknya akan cuba mengaturkan lebih banyak lawatan LinkedIn ke negara ini untuk memberi manfaat kepada siswazah Malaysia dalam menyediakan diri untuk mengisi pasaran kerja berda-

sarkan kelayakan mereka.

"Beribu-ribu graduan memasuki dunia pekerjaan setiap tahun dan saingan dalam pasaran kerja menjadi semakin sengit.

"Hanya mereka yang tahu strategi untuk memasarkan diri mereka dengan baik akan terus kekal," katanya yang menyifatkan kerjasama LinkedIn dengan pihaknya sebagai satu daripada tanggungjawab sosial korporat.

Hari Terbuka dan Pameran Pascasiswazah UPM mencatatkan peningkatan jumlah pelajar yang mendaftar program pascasiswazah (sarjana dan PhD) sebanyak 70 peratus iaitu meningkat daripada 800 kepada 1,350 kali ini.

Program itu memberi penerangan kepada bakal pelajar dan orang awam mengenai pelbagai program pascasiswazah di UPM dan prospek kerjaya.



LinkedIn mengundang graduan, golongan profesional menjadi ahli.